



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN SEBUT HARGA KHAS UNTUK BUMIPUTERA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta bertaraf Bumiputra yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai sebut harga berikut :-

No. Sebut harga	Perihal Kerja	Harga Dokumen/ Tarikh Mula Dijual	Syarat Pendaftaran
MBJB/SH/ 72/2025	Membekal dan menghantar 1 unit Industrial Paper Shredder ke stor rekod Taman Mount Austin Johor Bahru Tarikh Iklan : 16.10.2025 Tarikh Taklimat/ : 22.10.2025 (Rabu) Lawatan Tapak Tempat : Bahagian Pentadbiran, Jabatan Khidmat Pengurusan, Aras 8, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru Masa : 9.30 Pagi Tarikh Tutup : 29.10.2025 (Rabu) S/harga (Tepat 12.00 tgh) No.Fail : MBJB/U/2025/62/PRL/4 *PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*	RM 30.00 22.10.2025 hingga 27.10.2025 (Rujuk Perenggan 4)	Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 020201 (Mesin- mesin pejabat dan aksesori) HANYA PENAMA DALAM SIJIL KKM Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat

MBJB/SH/ 73/2025	Membekal dan menghantar peralatan dan bahan papantanda pemberitahuan serta keselamatan jalan raya ke Unit Tindakan Cepat, Bahagian Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Johor Bahru Tarikh Iklan : 16.10.2025 Tarikh Taklimat/ : 22.10.2025 (Rabu) Lawatan Tapak Tempat : Unit Tindakan Cepat, Bahagian Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan, PTD 60548, Taman Mount Austin, Johor Bahru Masa : 9.30 Pagi Tarikh Tutup : 29.10.2025 (Rabu) S/harga (Tepat 12.00 tgh) No.Fail : MBJB/U/2025/47/BEK/7 *PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*	RM 50.00 22.10.2025 hingga 27.10.2025 (Rujuk Perenggan 4)	Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 090201 (Peralatan Keselamatan/ Perabot Jalan Raya) HANYA PENAMA DALAM SIJIL KKM Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat
MBJB/SH/ 74/2025	Kerja naiktaraf sistem pencegah kebakaran bagi mendapatkan pentauliahan sijil Fire Certificate (FC) serta lain-lain kerja berkaitan di Bangunan JOTIC, Johor Bahru Tarikh Iklan : 16.10.2025 Tarikh Taklimat/ : 22.10.2025 (Rabu) Lawatan Tapak Tempat : Bahagian Mekanikal & Elektrikal, Bahagian Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan, PTD 60548, Taman Mount Austin, Johor Bahru Masa : 2.30 Petang Tarikh Tutup : 29.10.2025 (Rabu) S/harga (Tepat 12.00 tgh) No.Fail : MBJB/U/2024/61/KRJ/ME/7 *PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*	RM 50.00 22.10.2025 hingga 27.10.2025 (Rujuk Perenggan 4)	CIDB Gred : G2 Kategori : ME Pengkhurusan : M02 Dan Berdaftar dengan JCCD (Sijil Kontraktor Johor) HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat

2. Penyebut harga yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat bersemuka di pejabat Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Penyebut harga diwajibkan untuk mendaftar syarikat di sistem iPerolehan MBJB melalui laman sesawang <https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan> sebelum hari taklimat bagi memudahkan urusan pendaftaran kehadiran taklimat. Sila abaikan jika telah berdaftar dan kemaskini maklumat syarikat sekiranya terdapat perubahan maklumat. **PENYEBUTHARGA (PENAMA DI DALAM LESEN) SAHAJA dibenarkan hadir ke taklimat** di pejabat dan lawatan tapak dan ianya **TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Sila bawa bersama **Sijil - Sijil ASAL** semasa hadir taklimat sebutharga sebagaimana berikut :-

2.1 : Sijil Pendaftaran Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

2.2 : Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB

2.3 : Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB & Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK

2.4 : Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) & Taraf Bumiputera (Jika berkaitan)

2.5 : Sijil Kontraktor Johor (SKJ) oleh Johor Centre for Construction Development (JCCD)

3. Penjualan dan pembelian dokumen sebut harga dijalankan secara atas talian sahaja (Sila rujuk manual pembelian di ruangan Pembelian Dokumen pada Sistem iPerolehan,). Hanya syarikat yang **disahkan** untuk perolehan tersebut sahaja yang layak membeli dokumen. Syarikat yang berdaftar perlu menyemak status kehadiran taklimat sebelum meneruskan pembelian. Pembelian hendaklah dilakukan di sistem iPerolehan MBBJ dan bayaran perlu dilakukan menggunakan sistem **PBTPay** (<https://pbtpay.kpkt.gov.my/>), sistem **eKhidmat** (<http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/>) atau di kiosk MBBJ sahaja. Sila rujuk sistem **iPerolehan MBBJ** bagi penjualan tersebut.
4. Dokumen Sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta bertulis No. Sebut harga dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBJ, sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup seperti yang tertera pada jadual di atas. Dokumen boleh dihantar secara serahan tangan atau melalui pos berdaftar/ kurier.
5. Dokumen sebut harga yang dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier hendaklah dialamatkan ke **Peti Tawaran, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBJ, No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru, Johor** untuk dimasukkan ke dalam Peti tawaran **sebelum pukul 12.00 tengahari** pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan seperti diatas sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan dan pihak majlis tidak bertanggungjawab diatas kelewatan penghantaran oleh mana-mana pihak.
6. Majlis tidak terikat samada menerima Sebut harga yang terendah harganya atau sebarang tawaran Lain.

Sekian, dimaklumkan.

.....
(MOHD FARID BIN HASSAN)

Setiausaha,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.